



ARCHBISHOP OF KUALA LUMPUR  
(USKUP AGUNG KUALA LUMPUR)

528, Jalan Bukit Nanas, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-2078 8828/ 2078 5089/ 2072 6606 | Fax: 603-2031 3815  
archbishop@archkl.org | www.archkl.org

**SURAT PASTORAL DARI USKUP-USKUP KATOLIK MALAYSIA DALAM TEMPOH  
LANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Kepada para Klerus, religius dan umat awam beriman,

Kami percaya bahawa anda semua telah berdoa dengan tekun agar pandemik yang melanda seluruh dunia dan telah membawa begitu banyak kekacauan dalam kehidupan seharian kita, akan dapat dibendung dan dikawal. Nampaknya perjuangan kita baharu saja bermula dan seperti kehidupan Kristian yang harus dihidupi sepanjang hayat sepanjang hidup, kita juga mesti tabah dalam melakukan peranan kita dalam mengurangkan penyebaran jangkitan ini, menghindari lebih banyak kematian dan mencegahnya dari merosakkan sistem pengurusan kesihatan kita.

Sebagai Pastor anda, kami mahu memberi keyakinan kepada anda bahawa kami sentiasa prihatin terhadap anda semua pada masa yang mencabar ini. Kami menyeru paroki-paroki, pelbagai pelayanan dan KED/KKD agar tampil dan menjangkau semua orang, terutamanya yang paling lemah di sekeliling kita, siapa pun mereka. Walaupun kita mungkin tidak dapat menghibur anda secara fizikal, anda berada dekat dengan hati kami.

Seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri hari ini, tempoh kawalan pergerakan terhad di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020. Penambahan hari PKP ini jatuh pada musim paling suci dalam kalendar liturgi Gereja kita iaitu Minggu Suci.

Memandangkan sekatan yang dilanjutkan di bawah PKP dan larangan perhimpunan awam, kami uskup/agung tiga keuskupan agung dan enam keuskupan di Malaysia, dengan ini membuat keputusan bahawa perayaan liturgi sehingga 14 April 2020, termasuk Minggu Suci, akan dipimpin oleh para paderi di pelbagai keuskupan/agung TANPA kehadiran umat beriman.

Bersempena dengan dekri yang dikeluarkan oleh Kongregasi badat Ilahi dan Tatatertib Sakramen-sakramen yang bertarikh 19 Mac 2020, para Uskup Katolik Malaysia telah bersetuju untuk menerima pakai norma liturgi yang dinyatakan dalam Lampiran.

Umat Tuhan yang dikasihi, walaupun anda telah bersabar dan berdoa agar krisis ini segera berakhir, kami dengan rendah hati memohon pada anda semua untuk menunggu sedikit masa lagi. Marilah kita terus memohon kepada belas kasihan

Tuhan, membuat penebusan atas dosa kita dan meminta campur tangan-Nya, bukan hanya untuk diri kita sendiri tetapi juga pada kehidupan orang-orang yang telah terjejas oleh pandemik ini, para petugas kesihatan dan keselamatan barisan hadapan dan semua orang yang terus memastikan bahawa perkhidmatan penting dan talian tambahan terbuka dan tersedia. Pada Hari Besar Khabar Sukacita ini, marilah kita belajar daripada Maria yang percaya akan Kemurahan hati Tuhan.

Pra-Paskah adalah musim yang mencabar kita untuk mati raga pada diri sendiri agar kita dapat hidup dalam semangat kemuliaan Kebangkitan. Dalam pembacaan Injil minggu ini, Tuhan Yesus kita telah membangkitkan Lazarus dari kematian, oleh itu, janganlah kita jatuh ke dalam lembah kekecewaan, marilah kita melawan godaan hidup tanpa harapan dengan kembali kepada Yang Esa, yang telah mengalahkan kematian dengan Kematian-Nya, Dia yang memberi kita jaminan, "Akulah kebangkitan dan hidup, barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun mati (Yohanes 11:25).

Mewakili para Uskup Agung dan Uskup dalam Konferensi, saya ingin mengucapkan kepada anda semua Selamat Menyambut Minggu Suci yang diberkati

Diterbitkan pada hari ini, 25 Mac 2020, Hari Raya Besar Khabar Sukacita.



**+ Yang Amat Mulia Bapa Uskup Agung Julian Leow Beng Kim  
Presiden  
Konferensi Para Uskup Malaysia**

**+ Yang Amat Mulia Bapa Uskup Agung Simon Poh, Keuskupan Agung Kuching**

**+ Yang Amat Mulia Bapa Uskup Agung John Wong, Keuskupan Agung Kota Kinabalu**

**+ Yang Mulia Bapa Uskup Bernard Paul, Keuskupan Melaka-Johor**

**+ Yang Mulia Bapa Uskup Cornelius Piong, Keuskupan Keningau**

**+ Yang Mulia Bapa Uskup Sebastian Francis, Keuskupan Pulau Pinang**

**+ Yang Mulia Bapa Uskup Julius Dusin Gitom, Keuskupan Sandakan**

**+ Yang Mulia Bapa Uskup Joseph Hii, Keuskupan Sibiu**

**+ Yang Mulia Bapa Uskup Richard Ng, Keuskupan Miri**

## LAMPIRAN

### Norma Liturgi dan Pastoral bagi Perayaan Minggu Suci

A) Tarikh hari Paskah kekal 12 April 2020 pada tahun ini. Seperti yang dijelaskan oleh dekri dari Vatikan, tarikh ini tidak boleh ditunda kerana perayaan ini merupakan “sumber kepada seluruh tahun liturgi)

B) Misa Krisma, di mana minyak-minyak suci diberkati dan di mana para paderi memperbaharui janji kepaderian mereka, akan ditunda ke tarikh lain yang akan diumumkan selepas berakhir tempoh perintah kawalan pergerakan.

C) Hari Minggu Palma tidak akan ada pemberkatan palma atau perarakan.

D) Khamis Putih: Paderi Paroki boleh merayakan Misa Senja Perjamuan Tuhan tanpa tradisi Pencucian Kaki mahupun perarakan Sakramen Mahakudus ke Tabernakel. Paderi merayakan Misa tanpa kehadiran fizikal umat beriman, diperbolehkan dalam keadaan tertentu. Sakramen Mahakudus tetap berada dalam Tabernakle. Komuniti religius dan umat awam digalakkan untuk mengadakan doa bersama di rumah masing-masing atau rumah tertentu, dengan mendoakan doa Ibadat Harian atau berdoa rosari. Para anggota Religius atau ahli-ahli keluarga boleh menjalankan upacara mencuci kaki.

E) Jumaat Agung: Di Katedral dan gereja-gereja paroki, Uskup atau Paderi Paroki akan merayakan Kisah Kesengsaraan Yesus. Dalam Doa Umum, harus memasukkan intensi untuk orang sakit, yang sudah meninggal dunia, bagi mereka yang kecewa atau putus harapan (cf Missale Romanum, mukasurat 314n13). Tertakluk keadaan setempat, paderi boleh menghormati salib secara peribadi dan menerima komuni kudus.

F) Vigil Paskah: Lucenarium, Pemberkatan Api dan Persediaan Lilin ditiadakan. Lilin Paskah dinyalakan, perarakan ditiadakan dan diikuti dengan Proklamasi Paskah (Exsultet) Selepas itu diteruskan dengan Liturgi Sabda. Bagi “Liturgi Pembaptisan”, hanya “Pembaharuan Janji Baptis” sudah memadai (cf. Missale Romanum, mukasurat. 371, n. 55), ini diikuti “Liturgi Ekaristi” Mereka yang tidak berkemungkinan dapat menyatukan diri mereka dalam Vigil Paskah yang dirayakan di Gereja, harus berdoa Ibadat Harian untuk Hari Minggu Paskah.

G) Pembaptisan dan Penguatan untuk dewasa, yang dijadualkan pada hari Paskah, ditangguhkan ke tarikh lain.

H) Umat awam digalakkan untuk berdoa Ibadat Harian dan mendoakan devosi doa-doa suci popular – berdoa Jalan Salib, berpuasa, membuat doa komuni rohani, berdoa Novena Kerahiman Ilahi dan sebagainya sepanjang minggu ini.

I) Pelbagai keuskupan/agung akan terus menyediakan siaran Misa Kudus secara langsung selagi boleh. Paderi-paderi digalakkan untuk berhubung dengan umat mereka melalui aplikasi konferensi dalam talian, media sosial dan sumber-sumber talian yang lain, jika ada. Pelayanan Komunikasi Sosial di pelbagai keuskupan/agung diharapkan untuk bersedia memberikan bantuan kepada paroki, pelayanan dan paderi.